

NUJ Utusan Melayu beri surat kepada Tun M

Kuala Lumpur: Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJ) Cawangan Utusan Melayu (M) Bhd semalam, menulis surat terbuka kepada Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung kemelut melanda syarikat itu.

ia bagi menyatakan isi hati mengenai isu melanda akhbar Utusan Melayu, selain berterima kasih kerana keprihatinan Perdana Menteri dan sebahagian pemimpin lain, dalam kerajaan terhadap masalah yang dihadapi mereka selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

NUJ Cawangan Utusan Melayu turut melahirkan kekecewaan apabila syarikat itu dilihat semakin parah sejak melaksanakan Skim Pemisahan Sukarela (VSS), sehingga pembayaran gaji kakitangan turut lewat selama dua bulan.

“Jun hingga terkini 2019, keadaan kakitangan semakin perit. Untuk pengetahuan YAB Tun, cerita anak kakitangan terpaksa minum sirap, kopi o dan teh o untuk ganti susu



Mohd Taufek Razak

bayi adalah benar dan ia bukan rekaan semata-mata mahu sensasikan cerita.

“Malah, lebih parah lagi ada dalam kalangan kami yang bergadai barang emas bagi menampung kelangsungan hidup.

“Gerakan piket kakitangan pada 19 Ogos 2019 terpaksa dilakukan,” tulis surat berkenaan.

Surat itu juga mencecitkan masalah syarikat terbabit yang sebenarnya didakwa tidak selesai, walaupun kakitangan pernah dijanjikan menerima baki gaji RM2,000 bagi dua bulan tertunggak.

Kesatuan itu turut mendakwa, selain gaji lewat sehingga tiga bulan, Perjanjian Bersama (CA)

membabitkan manfaat pekerja dimeterai syarikat dan kesatuan dimungkirkan selain berlaku pelanggaran baharu dan amalan yang diguna pakai sebelum ini dinafikan syarikat.

“Keadaan sama dihadapi rakan yang mengambil VSS. Walaupun tawaran diberikan dengan pembayaran 12 kali, mereka tetap tabah mengambilnya dengan hati yang sayu untuk berkorban demi kesinambungan operasi penerbitan akhbar agama, bangsa dan negara ini.

“Kini bayaran berkenaan tertunggak dua bulan juga.

“Situasi sukar ini dijangka berlarutan sehingga pertengahan 2020,” kata kesatuan itu, sambil memohon Dr Mahathir membantu kakitangan bawahan dan syarikat berkenaan dalam mengharungi keadaan sukar ketika ini.

Sementara itu, Pengerusi NUI Cawangan Utusan Melayu, Mohd Taufek Razak, mengesahkan sudah terbabit adalah daripada kesatuan berkenaan.